



# Perlis 'bumi' prasejarah

MIS 36

Kepentingan sebagai tapak khazanah warisan, penemuan arkeologi wajar diwartakan

Oleh Aizat Sharif

bhnews@bh.com.my

Meskipun terletak di negeri paling kecil dengan keluasan 819 kilometer persegi dan populasi penduduk seramai 254,400 orang, Perlis tetap menyerlah menerusi pelbagai aspek termasuk dari segi khazanah warisan prasejarah.

Penemuan demi penemuan fosil tulang, tengkorak, haiwan dan lain-lain yang berusia ribuan tahun lampau memaparkan keindahan, keunikan serta keluarganya berasaskan bidang arkeologi.

Lantas ia juga mampu menjadikan aset membuka lembaran seterusnya bagi industri pelancongan Perlis.

Sebelum ini, pakar geologi tempatan menemui sejenis fosil hidupan laut dinamakan 'crinoid' (hidupan zaman paleozoik) dipercayai berusia 370 juta tahun di Kampung Guar Jentik, Kangar, beberapa tahun lalu.

Pernah ditemui adalah fosil batang kayu berusia 280 juta tahun di Bukit Chondong, di Kangar (pada 2015), se-

lain dua penemuan fosil cengkerang laut atau 'saccostrea cucculata' berusia 7,000 tahun, iaitu masing-masing di Gua Bukit Kubu, Kuala Perlis dan Kampung Binjai di Utan Aji, satu lagi fosil gigi gajah mamoth, juga ditemui di Kampung Kok Kelang (pada 1998).

Tidak terhenti di situ, baru-baru ini pula, ditemui fosil tulang berusia antara 5,000 hingga 10,000 tahun serta lukisan gua zaman proto sejarah, Bukit Keteri dan Semadong, Kangar.

Berdasarkan penemuan itu, kajian secara mendalam wajar dilakukan kerana dipercayai pelbagai fosil unik di Perlis mungkin boleh ditemui.

## Perlis kaya formasi batu kapur

Mengulas mengenai penemuan terbaharu itu, Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN), Mohd Azmi Mohd Yusof, berkata ini pihaknya menemui

rangka dan lukisan gua itu membuktikan Perlis kaya dengan formasi batu kapur mempunyai gua yang menemukan pelbagai bukti arkeologi.

Dalam konteks itu, ia mendedahkan mengenai kepentingan Perlis dalam perkembangan dan pergerakan manusia zaman prasejarah.

"Kajian mendedahkan penemuan data arkeologi membuktikan bahagian formasi batu kapur di Perlis pernah diduduki manusia sejak 5,000 hingga 10,000 tahun lalu.

"Menerusi kajian terbaharu kami, pada formasi batu kapur menemui pecahan rangka manusia dianggap sebagai rangka zaman pra sejarah dan

lukisan gua menggambarkan haiwan seperti mawaz, ular, lembu, gajah serta gambaran manusia diandaikan dilukis di dinding gua sekitar zaman proto sejarah.



Mohd Azmi



Kakitangan JWN menunjukkan sebahagian rangka tulang belakang yang ditemui pada sidang media mengenai Penemuan Rangka Manusia Pra Sejarah di Bukit Keteri. (BERNAMA)

Penemuan rangka manusia prasejarah di Bukit Keteri dan lukisan gua, di Gua Semadong.

# Buka lembaran baharu produk pelancongan



Kerajaan Negeri Perlis melihat penemuan fosil tulang dan tengkorak manusia prasejarah dan lukisan gua zaman proto sejarah di Bukit Keteri dan Semadong sebagai usaha membuka produk baharu pelancongan di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Pusat Pertumbuhan Baru, Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Perlis, Asmaiza Ahmad, berkata penemuan bersejarah itu sangat penting kepada masyarakat di negara ini kerana ia menunjukkan permulaan tamadun awal manusia bertapak di negeri berkenaan.

"Kita tiada halangan beri ruang kepada Jabatan Warisan Negara (JWN) membuat kajian, penyelidikan dan sebagainya.


"Ini memberi signifikansi kepada pemain industri pelancongan di negara ini untuk meneroka produk pelancongan yang banyak di Perlis termasuk penemuan arkeologi bersejarah ini.

"Kita akan bekerjasama dengan JWN memastikan lokasi ini diwartakan menjadi tempat pelancongan supaya tiada perbuatan vandalisme dan penemuan bersejarah terus dipulihara," katanya.

## Perlu segera wartakan

Bagi aktivis alam sekitar dan pengasas badan bukan kerajaan (NGO) Perlis Nature and Wildlife (PNW), Syamil Abdul Rahman, menyifatkan penemuan itu penting untuk pembangunan sejarah di negeri ini.

"Kerajaan mesti segera mewartakannya. Jika dilihat dari segi pemilikan ia di bawah kerajaan negeri dan JWN pula perlu sahkan dan



Asmaiza

mengiktiraf penemuan ini.

"Justeru, perlu bersama menjaga dan memulihara kawasan ini daripada dicerobohi atau dimusnahkan.

"Jika dilihat akses masuk ke dalam kawasan ini ia tidak sukar dan berisiko tinggi untuk dicerobohi," katanya.

Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Titi Tinggi Beseri, Mata Ayer dan Chuping, Reswan Ramli berpendapat, penemuan itu

membuka peluang bukan hanya pelancong tetapi pengkaji sejarah untuk menyelidik sejarah berkaitan

Syamil melihat lukisan gua di Gua Semadong yang dikenal pasti oleh JWN ketika melakukan lawatan ke Bukit Keteri dan Gunung Semadong.

(Foto Aizat Sharif/BH)

Fosil tulang dan tengkorak manusia dipercayai berusia antara 5,000 hingga 10,000 tahun.

negeri ini.

"Kita melihat penemuan artifak arkeologi ini bermanfaat untuk jati diri bagi mengenali asal usul dan permulaan serta evolusi Perlis dalam pembentukan sejarah negara ini.

"Perlis kecil tetapi kaya pelbagai legenda sejarah termasuk tinggalan

Hikayat Raja Bersiong dan kubur lama pengasas tempat di negeri ini.

"Jadi, kerajaan negeri perlu menawarkan pakej yang terbaik bagi memperkenalkan tempat ini kepada pelancongan domestik dan pengembara antarabangsa sebagai lokasi wajib dilawati," katanya.



# Perkembangan era proto sejarah di Malaysia

Dari muka 37

“Sekiranya dilihat, andaian ini berdasarkan perbandingan awal dibuat dengan penemuan arkeologi di Perlis terutama di gua di kawasan Bukit Chuping, Bukit Tegun Lembu, Bukit Ngulang, Bukit Kerengga dan Bukit Changkul digunakan sebagai tapak pengebumian masyarakat Neolitik berdasarkan penemuan artifak yang selalunya dikaitkan dengan perkuburan masyarakat itu,” katanya.

Beliau berkata, penemuan kalam semah atau ‘votive tablet’ di Gua Berhala dan Gua Kurong Batang yang mempunyai imej Avaloketisvara dan Bodhisattva serta ayat suci Buddha menunjukkan Perlis, negeri yang menyumbang kepada perkembangan era proto sejarah di Malaysia.

“Data arkeologi ini dapat menyokong dan menambahkan lagi data dibina sebelum ini, dahulu Perlis adalah laluan perdagangan dan jalan utama digunakan masyarakat prasejarah, berevolusi dan berkembang daripada sudut sosio-budaya, ekonomi, sains dan teknologi ketika zaman proto sejarah.

“Penemuan seperti alat batu ‘sumatralith’ juga membuktikan wujudnya kebu-



dayaan ‘Hoabinhian’ di Perlis. Ini bukti masyarakat mengamalkan kebudayaan zaman Neolitik juga banyak ditemui di gua di sekitar Perlis dengan jumpaan artifak seperti tembikar tanah dan belung kapak batu bergilap serta gelang batu.

“Hasil penyelidikan arkeologi lain juga mendapati kesan kewujudan Hindu Buddha yang boleh ditakrifkan sekitar zaman proto-sejarah dan masyarakat di

▲  
Petugas menunjuk penemuan rangka Manusia Prasejarah di Bukit Keteri dan Lukisan Gua di Gua Semadong.

Perlis terus berkembang sehingga wujud sebuah pemerintahan beraja pada 1834 dengan pertabalan Syed Hussain Syed Harun Jamalullail sebagai Raja Perlis yang pertama,” katanya.

Dalam laporan beliau juga menyebutkan penemuan fosil tulang dan tengkorak di Bukit Keteri itu terdapat beberapa serpihan rangka berselekan di tanah yang hampir tidak dapat dikenali pasti jenis tulangnya.

“Mungkin ada tulang haiwan ditanam bersama dan beberapa jenis tulang juga yang diambil daripada pemberi maklumat untuk JWN mengenal pasti jenis tulang itu.

“Sumber makanan masyarakat zaman Epi Paleolitik seperti penemuan kulit siput jenis *broatia costula* dan *broatia spinosa* yang terdiri daripada pelbagai saiz turut ditemui.

Siput sungai ini dijadikan sebagai sumber makanan utama, selain daripada haiwan buruan dan memungut hasil hutan oleh masyarakat pada zaman prasejarah ini,” katanya.

## Kajian arkeologi sejarah diteruskan

JWN sedang melakukan prosesewartakan kawasan penemuan arkeologi bersejarah itu supaya ia

dapat dipulihara dan berkemungkinan menjadi satu tempat pelancongan selepas ini.

“Proses ini bergantung kepada kerajaan negeri Perlis dan kerajaan Pusat dan apabila kerajaan negeri sudah bersedia maksudnya dari segi penyelesaian pemilikan kawasan, maka kerajaan negeri akan maklumkan kepada JWN dan kita akan bertindak dari sana.

“Jika tiada sebarang isu seperti bantahan pewartaan, lebih cepat dilaksanakan dan kawasan ini perlu dipulihara daripada dicerobohi seperti vandalisme.

“Kita juga akan teruskan ekplorasi gua sekitar Perlis dengan koordinasi pelbagai pihak termasuk pusat pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang pakar dalam bidang arkeologi untuk memahami dengan apa perlu.

“Di bahagian depan (Gua Semadong), Bukit Keteri ada banyak fosil. Kita cuma mengambil masa untuk kajian lanjut.

“Gua di Perlis pernah menjadi penempatan zaman prasejarah serta proto sejarah. Kita akan terus memantau perkembangan ini.” katanya.